

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

STU442 - Undang-Undang Pekerjaan

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 dan pilih SATU (1) yang lain dalam Bahagian I.  
Pilih SATU (1) soalan dari Bahagian II.

Bahagian I

Jawab Soalan 1 dan pilih SATU (1) yang lain dalam bahagian ini.

Soalan 1

Pilih 5 daripada 10 terminologi berikut. Berikan definisi yang ringkas lagi padat.

- (a) "Employee" dan "kontraktor bebas"
- (b) Krisis sistem sosial dan "false consciousness"
- (c) Common Law dan Perundangan
- (d) Strategi pengurusan berorientasikan pekerja dan doktrin saling hormat-menghormati
- (e) Kerjasama "tiga penjuru" dan perhubungan perusahaan yang harmonis
- (f) Tawaran dan pelawaan tawaran
- (g) Salahnyata dan Khilaf Fakta
- (h) Janji Nyata dan Sifat Ada
- (i) Perhubungan individu dan perhubungan kolektif
- (j) Pemecatan terus dan pemecatan konstruktif

(100 markah)

...2/-

Soalan 2

- (a) Apakah tiga perundangan yang mempunyai kesan langsung ke atas perhubungan majikan-pekerja di Malaysia? Jelaskan secara ringkas mengenai setiap perundangan tersebut dari segi tujuannya dll.
- (b) Pekerjaan (Employment) boleh dilihat dalam dua konteks: perhubungan kolektif dan perhubungan individu. Sila nyatakan dua undang-undang yang mengawal-selia setiap daripada perhubungan tersebut dan jelaskan perbezaan di antara kedua-dua undang-undang tersebut.

(100 markah)

Soalan 3

- (a) Apakah perundangan di Malaysia yang menyentuh kesatuan-sekerja dan persekutuan kesatuan-kesatuan buruh? Apakah yang akan berlaku bila pekerja-pekerja tidak menjadi ahli kesatuan sekerja; sila nyatakan kebaikan-kebaikan kesatuan sekerja?
- (b) (i) Apakah tujuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1993 mengikut seksyen 4?
- (ii) Siapakah yang dilantik oleh menteri bagi maksud menjalankan kuasa-kuasa, melaksanakan fungsi-fungsi dan menunaikan kewajipan-kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini? Apakah nama majlis yang ditubuhkan di bawah akta ini dan siapakah anggota-anggota majlis tersebut?

(100 markah)

...3/-

Bahagian II

Pilih SATU (1) soalan dari bahagian ini.

Soalan 4

Sila bincangkan kes Mat Jusoh bin Daud Iwn Syarikat Gaya Seberang Takir Sdn. Bhd. (1982) 2 M.L.J.71 dengan menyentuh perkara-perkara.

- (a) Fakta-Fakta kes tersebut
- (b) Persoalan-persoalan yang timbul dalam kes tersebut
- (c) Ujian-ujian dan kes-kes yang digunakan oleh Mahkamah untuk menentukan jikalau kontrak tersebut ialah kontrak perkhidmatan atau kontrak untuk perkhidmatan
- (d) Keputusan Mahkamah dalam kes tersebut

(100 markah)

Soalan 5

- (a) Apakah maknanya "pemecatan"? Bilakah pemecatan seorang pekerja dianggap sebagai adil dan tidak adil masing-masing?
- (b) Akta Pekerjaan 1955 telah menetapkan dua cara untuk tamatkan kontrak. Nyatakan dan bincangkan dengan lanjutnya mengenai cara-cara tersebut.
- (c) Bahagian VII Akta Perhubungan Perindustrian 1967 menyentuh Mahkamah Perusahaan.
  - (i) Siapakah ahli-ahli Tribunal Perindustrian?
  - (ii) Bilakah sesuatu pertikaian perdagangan (trade dispute) dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan?

(100 markah)

